

e-Buletin

PENGAKAP



KSM DAERAH POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Edisi 2024

Kelanasiswa Malaysia Daerah Politeknik Merlimau Melaka



eISSN 3093-8325



M-060



INSTAGRAM @KSM.PMM



TIKTOK @KSM.PMM

e-Buletin

PENGAKAP



KSM DAERAH POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Edisi 2024

M-060

e-Buletin Pengakap

KSM DAERAH POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA
M-060

Penulis:

Ts. Dr. Hj. Norhayati binti Abd Wahab

Nurul Najwa binti Abdullah

Edisi Pertama @2024

Semua hak terpelihara

Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem perolehan semula, atau dihantar dalam mana-mana bentuk atau dengan sebarang cara, grafik, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa kebenaran penerbit terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia

e-ISSN 3093-8325

Diterbitkan oleh:

Politeknik Merlimau Melaka

KM 2.5, Jalan Merlimau - Jasin

77300 Merlimau Melaka

Tel : 06 - 263 6687

Email: webmaster@pmm.edu.my

BULETIN INI DITERBITKAN SECARA TAHUNAN

PRAKATA

Assalamualaikum dan salam pengakap.

Alhamdulillah, dengan izin-nya, buletin pertama pengakap Kelanasiswa Malaysia Daerah Politeknik Merlimau Melaka ini berjaya diterbitkan. Buletin ini menjadi medium untuk merakam aktiviti, pengalaman, serta usaha berterusan ahli pengakap dalam mengangkat nilai kepimpinan, sahsiah, dan kesukarelawanan.

Semoga penerbitan ini memberi inspirasi dan manfaat kepada semua pembaca serta menjadi pemangkin kepada kecemerlangan gerakan pengakap di peringkat institusi khususnya di Politeknik Merlimau Melaka.

Sekalung penghargaan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan buletin ini.

"Kelanasiswa Pemangkin Kelestarian Institusi"

Sekian, terima kasih.

Ts. Dr. Hj. Norhayati binti Abd Wahab
Pesuruhjaya Pengakap Daerah
Kelanasiswa Malaysia
Daerah Politeknik Merlimau Melaka
M-060



e-Buletin Pengakap

KSM DAERAH POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

EDISI: 2024

M-060

SIDANG REDAKSI

Ketua Editor

Ts. Dr. Hjh. Norhayati binti Abd Wahab

Editor

Muhammad Khairi Isyraf bin Ahmad Kamal

Nuralya Adila binti Ali

Pereka Grafik

Muhammad Ridhwan bin Saat

Nur Laila Syazwani binti Hj. hamdan

Nurin Aqilah binti Hj. Hamdan

Penulis

Ts. Dr. Hjh. Norhayati binti Abd Wahab

Nurul Najwa binti Abdullah

Isi Kandungan

- | | | | |
|---|---|----|---|
| 4 | CARTA ORGANISASI
KELANASISWA MALAYSIA
DAERAH POLITEKNIK
MERLIMAU MELAKA 2024/2025 | 10 | PROGRAM BANCI PENDUDUK
KAMPUNG MERLIMAU BARAT |
| 4 | CARTA ORGANISASI
SEKRETARIAT KELANASISWA
MALAYSIA DAERAH
POLITEKNIK MERLIMAU
MELAKA 2024/2025 | 11 | KURSUS KEPIMPINAN
MANIKAYU:UNIT KANAK-
KANAK (PERINGKAT 3 (II)) |
| 5 | KURSUS KEPIMPINAN
MANIKAYU:UNIT KANAK-
KANAK (PERINGKAT I) | 12 | MALAYSIAN POLYTECHNIC
ROVERS CHALLENGE
(MALPRO) 2024 |
| 6 | KURSUS KEPIMPINAN
MANIKAYU:UNIT KANAK-
KANAK (PERINGKAT 3 (I)) | 20 | HARI TERBUKA KELAB &
PERSATUAN PMM |
| 7 | KUNJUNG HORMAT NEGERI
KELANASISWA MALAYSIA KE
BAHAGIAN KURIKULUM JPPKK | 21 | PERKHIDMATAN PEMIMPIN &
KELANA DAERAH PMM DI SRA
JAIM PERNU, MERLIMAU |
| 8 | SAMBUTAN KEMERDEKAAN
PERINGKAT PMM 2024 | 22 | JAMBORI PENGAKAP
MALAYSIA KE-14 & JAMBORI
KEAMANAN IUMS KE-8 |
| 9 | PELANTIKAN SEKRETARIAT
KELANASISWA
DAERAH POLITEKNIK
MERLIMAU MELAKA | 23 | KOLEKSI GAMBAR
SEPANJANG JAMBORI |



CARTA ORGANISASI KELANASISWA MALAYSIA DAERAH POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA 2024/2025



CARTA ORGANISASI SEKRETARIAT KELANASISWA MALAYSIA DAERAH POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA 2024/2025

PENGERUSI



MUHAMMAD KHAIRI ISYRAF BIN AHMAD KAMAL

TIMBALAN PENERUSI



NURALYA ADILA BINTI ALI

SETIAUSAHA



NURUL NAJWA BINTI ABDULLAH

JK PROGRAM



MUHAMMAD RIDHWAN BIN SAAT

Kursus Kepimpinan Manikayu: Unit Kanak-kanak (Peringkat I)

3-5 Februari 2024 | 6.30 pagi-11.00 malam
Kem Pengakap Pengkalan Balak, Masjid Tanah, Melaka

Kursus Kepimpinan Manikayu merupakan kursus asas kepimpinan anjuran Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM) yang khusus dirangka untuk melatih pemimpin dewasa dalam mengurus dan membimbing Unit Pengakap Kanak-Kanak. Kursus ini bertujuan melahirkan pemimpin pengakap yang berkemahiran, berwibawa dan bertauliah, selaras dengan matlamat pergerakan pengakap dalam membentuk kepimpinan muda yang berdaya saing.

Pada 3-5 Feb, Kursus Kepimpinan Manikayu Peringkat 1 (Unit Kanak-kanak) telah dianjurkan oleh PPM Negeri Melaka dengan penyertaan aktif daripada pemimpin Daerah Politeknik Merlimau Melaka (PMM).

Pesuruhjaya Daerah PMM, Ts. Dr. Hjh. Norhayati Abd Wahab telah menyertai kursus ini sebagai peserta bagi unit keduanya, manakala Penolong Pesuruhjaya Daerah PMM, En. Saifuddin Sapon turut terlibat sebagai pembimbing kursus. Penglibatan kedua-dua pemimpin ini bukan sahaja mencerminkan komitmen terhadap pembangunan profesionalisme kepengakapan, malah memperkukuh usaha melahirkan pemimpin pengakap yang lebih mantap di peringkat daerah.



3-5 Mei 2024

Kursus Kepimpinan Manikayu:Unit Kanak-kanak (Peringkat 3 (I))

3-5 Mei 2024| 6.30 pagi-11.00 malam
Kem Pengakap Pengkalan Balak, Masjid Tanah, Melaka

Kursus Kepimpinan Manikayu Peringkat 3(I) telah dilaksanakan selama tiga hari dua malam dalam suasana yang penuh semangat dan dedikasi kepengakapan. Kursus ini merupakan peringkat lanjutan selepas Peringkat 1 dan 2. Sepanjang kursus ini, para peserta didedahkan dengan latihan kepimpinan secara lebih mendalam, termasuk perancangan program, pengendalian aktiviti unit serta pengurusan sumber yang berkesan. Kursus ini bukan sahaja mengukuhkan kemahiran sedia ada, tetapi juga mempersiapkan pemimpin untuk memainkan peranan lebih aktif dan bertauliah dalam pergerakan Pengakap di peringkat daerah dan negeri. Tahniah diucapkan kepada Pesuruhjaya Daerah PMM, Ts. Dr. Hj. Norhayati Abd Wahab kerana telah menyelesaikan kursus KMK Peringkat 3(I) ini dengan jayanya.



Sekawan Biru



Persiapan Tapak Perkhemahan



Kunjung Hormat Negeri Kelanasiswa Malaysia ke Bahagian Kurikulum JPPKK

9 Ogos 2024 | 2.30 Petang | Bahagian Kurikulum, JPPKK

Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Kelanasiswa (SC), Prof. Madya Ts. Dr. Hj. Mustapha Ibrahim bersama tiga lagi Timbalan Ketua Pesuruhjaya Negeri iaitu En. Afendy Zabkha, En. Azizee Aziz dan Ts. Hj. Hamdan Samdin telah membuat kunjung hormat di Bahagian Kurikulum, JPPKK untuk membincangkan halatuju Pengakap Kelanasiswa khususnya di dalam Politeknik Malaysia. Selepas perbincangan, SC telah menyerahkan sijil pelantikan ahli Majlis Negeri kepada:

1. Pengarah Bahagian Kurikulum Dr. Zamzam bin Walid- Timbalan Pengerusi Majlis Negeri Kelanasiswa
2. Cik Masniza binti Mansor- Pesuruhjaya Kehormat
3. Ustaz Faizuddin bin Hassan_ Pesuruhjaya Kehormat

Pesuruhjaya Daerah PMM, Ts. Dr. Hjh. Norhayati Abd Wahab yang merupakan Pesuruhjaya Ibu Pejabat Negeri Kelanasiswa (Keahlian dan perkhidmatan) bertanggungjawab menguruskan pentauliahn di peringkat Negeri Kelanasiswa turut serta didalam acara ini dimana beliau bertanggungjawab menguruskan sijil pelantikan tersebut.



Penyerahan Sijil Iantikan Timbalan Pengerusi Majlis Negeri Kelanasiswa Malaysia kepada Dr. Zamzam bin Walid



Perbincangan halatuju Kelanasiswa Malaysia khususnya di Politeknik



Sambutan Kemerdekaan Peringkat PMM 2024

28 Ogos 2024 | 5.30 Petang | PMM Mall



Sempena Sambutan Hari Kemerdekaan Peringkat Politeknik Merlimau Melaka (PMM), satu perhimpunan khas Unit Beruniform telah diadakan bertempat di PMM Mall sebagai simbolik semangat perpaduan dan patriotisme warga PMM. Program ini turut diserikan dengan sesi bergambar rasmi bersama barisan Pengurusan Tertinggi PMM, sekaligus memperlihatkan sokongan padu institusi terhadap pembentukan jati diri dan sahsiah pelajar melalui penyertaan dalam badan beruniform.

Krew Pengakap Kelana Daerah Politeknik Merlimau Melaka, dengan kekuatan anggota seramai **55 orang** dipimpin oleh Pesuruhjaya Daerah PMM, Ts. Dr. Hj. Norhayati dan dua(2) Penolong Pesuruhjaya Daerah iaitu, En. Hazizan dan En. Alif. Turut hadir memeriahkan acara adalah unit beruniform lain seperti Askar Wataniah, Briged Bomba, Pandu Puteri dan RELASIS. Kehadiran semua pasukan ini mencerminkan semangat kerjasama, disiplin dan kecintaan terhadap tanah air dalam kalangan generasi muda. Acara ini bukan sahaja memberi peluang untuk mengukuhkan hubungan antara unit beruniform di PMM, malah turut menjadi medan untuk mempamerkan kesatuan dan semangat kemerdekaan yang utuh dalam kalangan warganya.

Pelantikan Sekretariat Kelanasiswa Daerah Politeknik Merlimau Melaka

4 September 2024 | 3.30 Petang | Dewan Titanium



Mesyuarat Pelantikan Sekretariat Kelanasiswa Malaysia Daerah Politeknik Merlimau Melaka telah diadakan pada 4 September 2024 bertempat di Dewan Titanium, PMM. Seramai 16 orang Jawatankuasa telah dilantik bagi menerajui barisan kepimpinan Kelanasiswa Daerah PMM bagi sesi 2024-2025. Mesyuarat ini bukan sekadar simbolik peralihan kepimpinan, malah menjadi titik tolak kepada pembentukan saf penggerak yang berwibawa dan progresif.

Dengan pelantikan ini, diharapkan barisan kepimpinan baharu dapat menggalas amanah dengan penuh integriti, dedikasi dan semangat kesukarelawanan demi memperkasa pergerakan pengakap di peringkat politeknik. Semoga kepimpinan ini terus menyemarakkan nilai-nilai murni pengakap, menjulang visi dan misi Kelanasiswa ke tahap yang lebih cemerlang.

“SELALU SEDIA”


Program Banci Penduduk Kampung Merlimau Barat

2 Oktober 2024 | 2.30 Petang | Kampung Merlimau Barat



Bagi melancarkan pelaksanaan bancian, para kelana telah dibahagikan kepada tiga kumpulan mengikut lokasi di kampung tersebut. Setiap lokasi disertai oleh 2 hingga 3 orang wakil daripada Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Merlimau Barat yang memberi taklimat dan penerangan ringkas sebelum sesi bancian dimulakan. Pendekatan secara turun padang ini bukan sahaja memberi nilai tambah kepada pembelajaran luar bilik darjah, malah memupuk semangat kesukarelawanan, komunikasi berkesan serta jalinan erat antara pelajar dan masyarakat setempat.

Kelasiswa Malaysia Daerah Politeknik Merlimau Melaka, yang terdiri daripada pelajar Ko-kurikulum Pengakap Kelana 1 dan 2, telah menyertai satu program khidmat masyarakat (CSR) bersama komuniti setempat menerusi aktiviti bancian penduduk di sekitar Kampung Merlimau Barat, Melaka. Program ini bertujuan untuk mendekati komuniti, selain meningkatkan kefahaman dan kepekaan Kelana terhadap realiti sosial setempat.



Penyerahan borang bancian daripada Pesuruhjaya Daerah PMM iaitu Ts. Dr. Hj. Norhayati Abd Wahab kepada Pengerusi JPKK iaitu En. Mohd Hisam A. Rahim menunjukkan simbolik proses bancian telah selesai dilaksanakan oleh Pengakap Kelana

4-6 Oktober 2024

Kursus Kepimpinan Manikayu:Unit Kanak-kanak (Peringkat 3 (II))

4-6 Oktober 2024| 6.30 pagi-11.00 malam
Kem Pengakap Pengkalan Balak, Masjid Tanah, Melaka

Kursus Kepimpinan Manikayu (KMK) Peringkat 3(II) bagi Unit Pengakap Kanak-Kanak merupakan kesinambungan latihan amali yang menilai pelaksanaan tugas lapangan oleh para peserta. Kursus ini merangkumi pembentangan laporan, sesi *microteaching*, serta aktiviti praktikal seperti ikatan dan gajet, *backwoods cooking* dan pelbagai aktiviti yang menguji kemahiran serta kreativiti peserta dalam merancang dan mengendalikan aktiviti unit secara berkesan. Selain memperkukuh kecekapan kepimpinan, kursus ini turut menjadi platform perkongsian pengalaman dan pengukuhan jaringan sesama pemimpin. Syabas dan tahniah diucapkan kepada Pesuruhjaya Daerah PMM, Ts. Dr. Hj. Norhayati Abd Wahab kerana telah berjaya menyelesaikan kursus KMK Peringkat 3(II) ini dah kumpulannya iaitu Sekawan Biru telah dinobatkan sebagai sekawan terbaik atas pencapaian cemerlang dalam tugas berkumpulan, disiplin, kerjasama dan penglibatan aktif dalam semua aktiviti yang dijalankan.



12-14 Oktober 2024

Malaysian Polytechnic Rovers Challenge (MalPRO) 2024

12-14 Oktober 2024 | 6.30 pagi-11.00 malam
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA)



MalPRO merupakan sebuah perkhemahan khas peringkat kebangsaan yang menghimpunkan ahli-ahli Pengakap Politeknik Malaysia di bawah kelolaan JPPKK. Program ini bertujuan untuk melahirkan pemimpin muda yang berdaya saing, memperkukuh semangat kerjasama dan jati diri, serta meningkatkan kesedaran terhadap kelestarian alam sekitar dan isu-isu global yang selari dengan prinsip dan nilai Pengakap sejagat.

Dalam edisi kali ini, Kelanasiswa Malaysia Daerah Politeknik Merlimau Melaka (PMM) telah menghantar seramai lima orang wakil kelana iaitu Muhammad Khairi Isyraf bin Ahmad Kamal (Ketua Krew), Muhammad Faiq Zharif bin M. Razlee, Muhammad Ridhwan bin Saat, Nuralya Adila binti Ali, dan Nurul Najwa binti Abdullah. Delegasi ini turut disertai oleh Pesuruhjaya Daerah Kelanasiswa PMM, Ts. Dr. Hj. Norhayati binti Abd Wahab yang turut berperanan sebagai Pengurus Pasukan dan Pembimbing Krew sepanjang program berlangsung. Penyertaan ini bukan sahaja membuktikan komitmen PMM dalam pembangunan sahsiah dan kepimpinan pelajar, malah turut mengangkat nama institusi dalam arena kepengakapan politeknik di peringkat kebangsaan.

Taklimat & Persiapan tapak khemah

01



02

Asas Pertolongan Cemas

Mempelajari pelbagai jenis pertolongan awal menggunakan anduh dan barang sekitar.



03

Pemeriksaan Pagi & Istiadat Bendera

Krew PMM bertugas melaksanakan istiadat bendera



Khidmat Masyarakat (CSR)

Membersihkan kawasan-kawasan penduduk di sekitar Politeknik

04



05

Perbentangan Diorama


Membuat mini gadget tapak perkhemahan & dibentangkan



Orienteering

Memahirkan diri dalam menggunakan kompas dan membaca peta.

06



07

Pertandingan Backwood Cooking dan Fire Starter

Pertandingan memasak yang bertemakan masakan kampung dan menghidupkan api dengan hanya menggunakan 3 batang mancis.



Malam Kebudayaan

Malam kebudayaan bertemakan "Borneo"

08



Istiadat Pagi

09



Taklimat Kebakaran

Taklimat kebakaran disampaikan oleh anggota bomba. Taklimat tersebut terdiri daripada cara pemadaman api dan cara pemindahan tempat ketika kebakaran.

10



Majlis Penutup MalPRO 2024



Majlis Penutupan Rasmi bagi program Malaysian Polytechnic Rovers Challenge (MalPRO) 2024 dan Malaysian Polytechnic Clovers Jamboree (MalPCJam) 2024 telah disempurnakan oleh Puan Siti Normazila binti Abdul Aziz, Timbalan Pengarah Unit Peperiksaan dan Data, mewakili YBrS. Dato' Dr. Haji Mohd Zahari bin Ismail, Ketua Pengarah JPPKK. MalPRO menghimpunkan ahli Pengakap Kelana, manakala MalPCJam melibatkan Pandu Puteri Clovers dari seluruh politeknik. Penganjuran bersama ini menyerlahkan sokongan JPPKK terhadap pembangunan sahsiah dan kepimpinan pelajar melalui aktiviti beruniform yang berimpak tinggi.



PENCAPAIAN KREW PMM



Tahniah diucapkan kepada Kelanasiswa Politeknik Merlimau kerana telah memenangi:

1. Johan Orienteering (individu): Muhammad Ridhwan bin Saat
2. Tempat ke-2 acara *backwood cooking*.
3. Tempat ke-4 Keseluruhan



Hari Terbuka Kelab & Persatuan PMM

16 Oktober 2024 | 10 pagi-5 Petang | Kantin Delima PMM



Gambar bersama tuan pengarah: Simbolik Penyerahan medal dan sijil Johan Orientering kepada kelana Muhammad Ridhwan bin Saat semasa Program MALPRO di PSA yang lalu

Kelasiswa Malaysia Daerah Politeknik Melimau Melaka telah menghantar seramai lima orang wakil kelana sebagai jawatankuasa pameran bagi Unit Beruniform Pengakap Kelana sempena Hari Terbuka Kelab & Persatuan PMM yang dianjurkan oleh Exco Kelab & Persatuan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) PMM. Booth Pengakap Kelana telah menarik perhatian ramai pelajar yang hadir, khususnya mereka yang berminat untuk menyertai badan beruniform. Antara bahan pameran yang dipersembahkan termasuk mini gajet, sampel ikatan dan simpulan, serta maklumat mengenai aktiviti dan peluang kepimpinan dalam pergerakan Pengakap. Penyertaan ini bukan sahaja mempromosi kelasiswa, malah berjaya menonjolkan imej pengakap sebagai sebuah badan yang aktif, terlatih dan inklusif.

17 November 2024

Perkhidmatan Pemimpin & Kelana di SRA JAIM Pernu, Merlimau

17 November 2024 | 8.00 pagi-1.00 tengahari | SRA JAIM Pernu

Seramai 19 orang murid dari Sekolah Rendah Arab JAIM Pernu, Merlimau telah menyertai Ujian Lencana Wajib - Penunggang Basikal yang dijalankan pada hari ini. Ujian ini dikendalikan oleh tiga orang pemimpin pengakap, termasuk seorang pemimpin, Ts. Dr. Hjh. Norhayati dan dua (20 orang ahli kelana dari Kelanasiswa Daerah Politeknik Merlimau Melaka (KSM PMM), iaitu Najwa dan Khairi.



Penglibatan mereka bukan sahaja menyokong kelancaran aktiviti pengakap di peringkat sekolah rendah, malah merupakan sebahagian daripada inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) KSM PMM dalam menyumbang tenaga, kepakaran dan sokongan kepada pembangunan sahsiah murid melalui program beruniform. Usaha ini mencerminkan komitmen berterusan Kelanasiswa PMM dalam menyemai nilai kepimpinan, disiplin, dan keselamatan jalan raya dalam kalangan generasi muda melalui pendekatan pengakap yang holistik dan menyeluruh.

22-26 Disember 2024

Jambori Pengakap Malaysia ke-14 & Jambori keamanan IUMS ke-8

22-26 Disember 2024 | Kem Bina Semangat, Kuala Kubu Bharu, Selangor

Dengan tema “Pengakap Untuk Keamanan”, Jambori Pengakap Malaysia ke-14 dan Jambori Keamanan IUMS ke-8 telah berlangsung dengan jayanya, menghimpunkan pengakap dari pelbagai latar belakang demi menyemarakkan semangat perpaduan dan keamanan sejagat. Dalam program ini, Negeri Kelanasiswa Malaysia (KSM) telah diberi tanggungjawab untuk mengendalikan booth pameran bertemakan “Scouts of SDG”, yang menampilkan pelbagai aktiviti interaktif berkaitan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) seperti permainan pendidikan, kuiz, dan pameran visual.



Pesuruhjaya Daerah PMM, Ts. Dr. Hj. Norhayati bersama 13 lagi pemimpin dari Negeri Kelanasiswa Malaysia dan 6 orang ahli kelana telah bertugas sepanjang jambori ini berlangsung. Mereka semua memainkan peranan sebagai fasilitator dan duta kecil keamanan. Booth ini bukan sahaja menarik minat pelawat tempatan dan antarabangsa, malah turut menjadi platform bagi mempamerkan komitmen Kelanasiswa Malaysia dalam mendidik generasi muda ke arah pembangunan mampan dan keamanan global melalui pendekatan pengakap yang progresif dan inklusif.



KOLEKSI GAMBAR SEPANJANG JAMBORI

